

Kerajaan punya sumber wang cukup biayai kebajikan orang ramai — PM

KUALA LUMPUR 4 April — Kerajaan mem-berhentikan Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan kerana ia tidak lagi memerlukan wang darinya untuk membiayai kebajikan orang ramai.

Perdana Menteri yang menjelaskan demikian memberitahu kerajaan kini mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk urusan tersebut.

Katanya, kehilangan berjuta -juta ringgit akibat pemberhentian loteri berkenaan boleh diganti dengan punca - punca lain.

"Dulu kita harapkan pendapatan daripada loteri untuk membantu masyarakat, tetapi sekarang kita mempunyai pendapatan yang meningkat, kita tidak harap lagi kepada loteri," katanya menjawab pertanyaan para pemberita.

Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ditemui selepas berbuka puasa dan menunaikan jemaah Maghrib bersama kira-kira 300 orang pegawai dan anggota tentera di Masjid Kementerian Pertahanan di sini malam ini.

Menurut Perdana Menteri, operasi Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan akan dimansuhkan sepenuhnya dalam tempoh enam bulan bagi membolehkan kakitangannya ditempatkan di agensi - agensi kerajaan yang lain.

"Ia akan mengambil masa kira - kira enam bulan untuk melaksanakannya, termasuk menukarkan kakitangan terlibat. Kita kena ambil berat terhadap kakitangan berkenaan."

"Kita juga kena fikir apa akan jadi kepada mereka yang menjual tiket - tiket loteri. Kita cuba lakukan sesuatu untuk membantu mereka. Kita tidak boleh tutup begitu sahaja," tegasnya.

Menurutnya, selepas tempoh tersebut, Lembaga Loteri Kebajikan Masyarakat tidak akan wujud lagi sama sekali.